
Persepsi Pelajar terhadap Pembelajaran Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesehatan Secara Dalam Talian

Student Perceptions of Learning Physical Education and Health Subjects Online

Mohamad Mohd Salleh & Adjah Naqkiah Mazlan*

Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia,
81310 Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA

Published online: 13 October 2022

To cite this article (APA): Mohd Salleh, M., & Mazlan, A. N. (2022). Student Perceptions of Learning Physical Education and Health Subjects Online. *Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani*, 11, 8-13. <https://doi.org/10.37134/jsspj.vol11.sp.2.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jsspj.vol11.sp.2.2022>

ABSTRAK

Menerusi era digital revolusi terkini, bidang pendidikan tidak ketinggalan dalam mengalami transformasi ke arah andragogi dan pedagogi secara digital. Seiring dengan keadaan Pandemik Covid-19 yang melanda dunia kini telah merubah keadaan semasa terutamanya sektor pendidikan. Pembelajaran yang dahulunya dijalankan secara bersemuka atau secara fizikal terpaksa diubah kepada pembelajaran dalam talian demi kelangsungan pembelajaran. Ia dilihat sebagai alternatif terbaik bagi memastikan pembelajaran pelajar tidak terhenti semasa pandemik ini. Justeru itu, tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesehatan (PJK) secara dalam talian di sebuah sekolah dalam daerah Johor Bahru. Seramai 158 orang pelajar tingkatan 4 sekolah tersebut dipilih sebagai responden bagi kajian ini. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang mengandungi 25 item soalan dan terbahagi kepada dua konstruk iaitu persepsi pelajar menerusi faktor dalaman dan persepsi pelajar menerusi faktor luaran. Seterusnya, data yang diperolehi dianalisis secara statistik deskriptif menggunakan perisian Statistical Package For Social Sciences (SPSS) untuk mendapatkan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa persepsi pelajar menerusi faktor dalaman dan faktor luaran terhadap pembelajaran PJK secara dalam talian berada pada tahap interpretasi sederhana dengan nilai min masing-masing yang merekodkan bacaan nilai 3.55 ± 1.07 dan 3.65 ± 1.08 . Kesimpulannya, persepsi pelajar terhadap mata pelajaran PJK secara dalam talian berada pada tahap sederhana dan usaha bagi penambahbaikan yang lebih tinggi serta berkesan perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi memastikan pembelajaran secara atas talian dapat dijalankan dengan lebih baik pada masa akan datang.

Katakunci: Persepsi pelajar; pembelajaran dalam talian; Pendidikan Jasmani dan Kesehatan (PJK); faktor dalaman dan faktor luaran.

ABSTRACT

In accordance with the recent digital revolution era, the field of education is also experiencing transformation towards digital andragogy and pedagogy. The present scenario has changed as a result of the Covid-19 Pandemic that has swept the globe, particularly in the education sector. Learning that was previously conducted face to face or physically had to be converted to online learning for the sake of learning continuity. It can be seen as the best alternative for

ensuring that the students' learning process would not be interrupted during the epidemic. Consequently, the main purpose of this study was to identify the students' perceptions on the online learning of Physical and Health Education (PJK) in a secondary school in the district of Johor Bahru. A total of 158 Form 4 students of that secondary school were selected as the respondents for this study. The instrument utilized in this study was a set of questionnaires comprising 25 question items and was split into two constructs, namely as students' perception through internal factors and students' perception through external factors. Subsequently, the data obtained were analysed by descriptive statistics using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) software to obtain the frequency, percentage, mean and standard deviation. The findings of this study revealed that the students' perception of online PJK learning based on internal and external factors were at an average level of interpretation, with mean values of 3.55 ± 1.07 and 3.65 ± 1.08 , respectively. Conclusively, the students' perceptions of online PJK subjects were at a moderate level and efforts for higher and more effective improvements need to be enhanced from time to time to ensure that online learning can be conducted more effectively in the future.

Keywords: *Student perception; online learning; Physical Education and Health (CBC); internal factors and external factors*

PENGENALAN

Wabak korona virus (COVID-19) telah menggemparkan dunia pada penghujung tahun 2019 dan ia semakin teruk sehingga diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) pada tanggal 11 Mac 2020 (Cucinotta & Vanelli, 2020). Wabak ini telah merebak hampir ke pelusuk dunia dan menjangkiti ramai orang sehingga meragut banyak nyawa. Banyak negara telah mengambil inisiatif bagi menurunkan puncak lengkungan wabak COVID-19. dengan mengamalkan penjarakan sosial. Kerajaan Malaysia juga telah mengeluarkan perintah agar semua institut pendidikan ditutup termasuk sekolah bagi menghentikan penyebaran wabak Covid-19 ini atas aturan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ini menyebabkan sistem pendidikan berubah dengan drastik dimana pelajar harus menjalankan tanggungjawab dan tugas mereka iaitu belajar dari rumah melalui pembelajaran dalam talian.

Mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) merupakan mata pelajaran yang wajib diajarkan di sekolah menengah berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019) dan perlu diajarkan semasa PdP dalam talian. Apabila PdP secara dalam talian dijalankan, banyak kekangan terpaksa dihadapi. Menurut Komarudin dan Prabowo (2020), perubahan pembelajaran bersemuka kepada pembelajaran secara dalam talian secara drastik memerlukan pelajar untuk beradaptasi dan ia mempengaruhi daya serapan ilmu oleh pelajar, baik teori ataupun praktikal. Dalam hal ini, ia akan membentuk persepsi yang berbeza kepada para pelajar terhadap mata pelajaran PJK ini. Menurut Wagner dan Hollenbeck (2009), persepsi adalah proses dimana sesuatu maklumat dipilih, diatur dan diinterpretasikan agar tanggapan bermakna dapat dihasilkan. Jika pelajar itu melihat pembelajaran dalam talian sesuatu yang menyeronokkan dan menyenangkan, ia memberikan persepsi positif terhadap pembelajaran tersebut. Jika sebaliknya, pelajar menganggap pembelajaran dalam talian ini membebankan atau tidak interaktif, ia akan menghasilkan persepsi negatif terhadap pembelajaran dalam talian ini.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif untuk mengumpul data daripada hasil soal selidik yang dijalankan melalui pemberian pautan googleform kepada responden kajian. Data yang diperolehi diukur secara statistik deskriptif iaitu frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai.

Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah daripada 46 sekolah yang terdapat di Johor Bahru dan terletak di negeri Johor.

Sampel Kajian

Pengkaji memilih sampel yang terdiri daripada pelajar- pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah menengah dalam daerah Johor Bahru bagi tahun 2021. Jumlah keseluruhan bagi populasi kajian ini adalah seramai 257 orang pelajar. Pengkaji memperolehi seramai 158 responden bagi tujuan kajian ini. Berdasarkan kepada jadual Krejcie dan Morgan (1970), menyatakan bahawa apabila jumlah populasi adalah 260 orang, sampel yang ideal dipilih bagi mewakili populasi adalah seramai 155 orang.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan untuk kajian ini berbentuk borang soal selidik menerusi googleform yang diedarkan kepada responden untuk mendapatkan maklumbalas. Pengkaji menggunakan soal selidik yang dibuat oleh Komaruddin dan Mardianto Probowo (2020) dan Rio Taovan (2018) serta mengubahsuainya mengikut keperluan kajian. Set borang soal selidik ini mempunyai tiga bahagian yang perlu dijawab oleh responden iaitu bahagian A berkaitan demografi pelajar mengandungi 5 soalan, Bahagian B berkaitan persepsi pelajar berdasarkan faktor dalaman yang mengandungi 15 soalan dan Bahagian C berkaitan persepsi pelajar berdasarkan faktor luaran yang mengandungi 10 soalan. Soal selidik bagi bahagian B dan bahagian C menggunakan skala likert seperti Jadual 1 untuk mengukur persepsi pelajar.

Jadual 1. Skala Likert 5 mata

Kenyataan	Ringkasan	Skor
Sangat Setuju	SS	5
Setuju	S	4
Tidak Pasti	TP	3
Tidak Setuju	TS	2
Sangat Tidak Setuju	STS	1

Kajian rintis

Kajian rintis dilaksanakan untuk mengenalpasti ralat dalam soal selidik sebelum ianya disebarkan kepada sampel sebenar. Kajian rintis ini duji kesahan dan kebolehpercayaannya kepada kumpulan yang mempunyai kriteria yang sama dengan sampel sebenar. Untuk menganalisis kesahan luaran, seramai 15 hingga 30 responden memadai digunakan (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999). Oleh itu, pengkaji menggunakan sampel luar yang mempunyai kriteria sama dengan sampel sebenar iaitu seramai 20 orang pelajar untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Selain itu, pengkaji mendapatkan kesahan kandungan daripada dua orang pakar untuk pembinaan soalan soal selidik. Manakala untuk hasil analisis kebolehpercayaan soal selidik ini, pengkaji mendapati bahawa nilai Alpha Cronbach bagi keseluruhan soalan yang dibina adalah 0.95. Ia merupakan nilai yang sangat baik dan kajian sebenar menggunakan item soal selidik ini diteruskan.

ANALISIS DATA

Jadual 2 menunjukkan penentuan tahap interpretasi skor min bagi menentukan persepsi pelajar menerusi faktor dalaman dan faktor luaran terhadap pembelajaran mata pembelajaran PJK secara dalam talian di sebuah sekolah dalam daerah Johor Bahru berdasarkan interpretasi yang diketengahkan oleh Pallant (2007).

Jadual 2. Interpretasi Skor Min

Julat Min	Tahap
3.67 – 5.00	Tinggi
2.34 – 3.66	Sederhana
1.00 – 2.33	Rendah

Jantina responden

Jadual 3. Taburan responden mengikut jantina

Jantina	Frekuensi (<i>f</i>)	Peratus (%)
Lelaki	73	46.2
Perempuan	85	53.8
Jumlah	158	100.0

Jadual 3 adalah taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina. Jumlah keseluruhan responden iaitu pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah menengah dalam daerah Johor Bahru ini adalah 158 orang pelajar yang mana 73 orang (46.2%) terdiri daripada pelajar lelaki manakala 85 orang (53.8%) terdiri daripada pelajar perempuan.

Persepsi Pelajar Terhadap Faktor Dalaman Pembelajaran Dalam Talian Mata Pelajaran PJK

Jadual 4. Tahap persepsi pelajar terhadap faktor dalaman pembelajaran dalam talian mata pelajaran PJK

Faktor Dalaman	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Aspek Afektif	3.53	1.11	Sederhana
Aspek Psikomotor	3.57	1.04	Sederhana
Aspek Kognitif	3.55	1.06	Sederhana
Purata keseluruhan	3.55	1.07	Sederhana

Jadual 4 merupakan hasil analisis bagi min keseluruhan bagi persepsi pelajar menerusi faktor dalaman terhadap pembelajaran mata pelajaran PJK secara dalam talian yang diukur menggunakan 15 soalan. Berdasarkan jadual tersebut, persepsi pelajar menerusi faktor dalaman berdasarkan aspek afektif berada pada tahap interpretasi sederhana dengan nilai min dan sisihan piawai 3.53 ± 1.11 . Selain itu, faktor dalaman berdasarkan aspek psikomotor berada pula pada tahap interpretasi sederhana dengan nilai min dan sisihan piawai 3.57 ± 1.04 . Akhir sekali, faktor dalaman berdasarkan aspek kognitif berada pada tahap interpretasi sederhana dengan nilai 3.55 ± 1.06 . Secara kesimpulannya, persepsi pelajar tingkatan 4 menerusi faktor dalaman terhadap pembelajaran mata pelajaran PJK secara dalam talian berada pada tahap yang sederhana dengan nilai purata min dan sisihan piawai keseluruhan 3.55 ± 1.07 .

Persepsi Pelajar Terhadap Faktor Luaran Terhadap Pembelajaran Dalam Talian Mata Pelajaran PJK

Jadual 5. Tahap persepsi pelajar terhadap faktor luaran pembelajaran dalam talian mata pelajaran PJK

Faktor Luaran	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Aspek Sosial	3.51	1.10	Sederhana
Aspek Persekitaran	3.78	1.04	Tinggi
Purata keseluruhan	3.65	1.08	Sederhana

Jadual 5 merupakan hasil analisis bagi min keseluruhan bagi persepsi pelajar tingkatan 4 menerusi faktor luaran terhadap pembelajaran mata pelajaran PJK secara dalam talian yang diukur menggunakan 10 soalan. Berdasarkan jadual tersebut, faktor luaran berdasarkan aspek sosial berada pada tahap interpretasi sederhana dengan nilai min dan sisihan piawai 3.51 ± 1.10 . Selain itu, faktor luaran berdasarkan aspek persekitaran berada pada tahap interpretasi tinggi dengan nilai min dan sisihan piawai 3.78 ± 1.04 . Secara kesimpulannya, persepsi pelajar tingkatan 4 menerusi faktor luaran terhadap pembelajaran mata pelajaran PJK secara dalam talian berada pada tahap yang sederhana dengan nilai purata min dan sisihan piawai keseluruhan 3.65 ± 1.08 .

PERBINCANGAN

Dapat dirumuskan bahawa persepsi pelajar menerusi faktor dalaman dan faktor luaran terhadap pembelajaran mata pelajaran PJK secara dalam talian berada pada tahap sederhana. Hal ini disebabkan oleh perubahan secara drastik daripada pembelajaran bersemuka kepada pembelajaran dalam talian yang memerlukan pelajar beradaptasi dan secara tidak langsungnya mempengaruhi daya serapan ilmu oleh pelajar baik secara teori mahupun secara amali.

Berdasarkan objektif kajian 1, menunjukkan persepsi pelajar menerusi faktor dalaman terhadap pembelajaran PJK secara dalam talian mencatatkan nilai min 3.55 dengan tahap interpretasi sederhana. Pembelajaran PJK secara dalam talian semasa pandemik lebih berfokuskan kepada pengajaran teori berbanding pelaksanaan aktiviti fizikal kepada para pelajar. Apabila pembelajaran teori diajarkan (Komarudin & Prabowo, 2020), pelajar yang tidak konsentrasi terhadap pengajaran guru serta jaringan internet yang lemah akan menghadapi masalah untuk memahami bahan pengajaran guru. Ia memerlukan pembelajaran sendiri pelajar untuk memahami setiap maklumat yang diberikan guru. Selain itu, pelajar kurang bersemangat jika mereka tidak dapat menguasai kemahiran yang diajarkan oleh guru (Rahman et al., 2020). Hal ini kerana pengajaran PJK sepatutnya melibatkan aktiviti fizikal dan semasa pandemik semuanya menjadi terbatas dan terhad. Ini menyebabkan pelajar banyak memperuntukkan masanya untuk aktiviti sedentri dan hanya duduk di dalam rumah (pasif). Seharusnya keterbatasan ini dipenuhi dengan keserataan diantara aktiviti teori dan amali yang bersesuaian menggunakan kepelbagaian kaedah teknologi dan startegi yang sesuai supaya pelajar merasai proses pembelajaran sama seperti sedia kala.

Berdasarkan objektif kajian 2, menunjukkan persepsi pelajar menerusi faktor luaran terhadap pembelajaran PJK secara dalam talian mencatatkan nilai min 3.65 dengan tahap interpretasi sederhana. Akibat daripada pandemik, para pelajar tidak boleh berjumpa atau kurang berinteraksi dengan rakan dan ini membuatkan hubungan mereka sedikit renggang (Amin & Nasri, 2021). Masalah teknikal seperti ketiadaan gajet dan peranti yang sesuai dan ia turut memberikan kesan terhadap perhubungan mereka itu. Ini membuatkan para pelajar lebih menghargai persahabatan yang pernah terjalin sesama mereka. Seterusnya, pembelajaran PJK secara dalam talian bersifat fleksibel kerana ia tidak memerlukan masa yang spesifik untuk dijalankan. Ini membolehkan pelajar belajar tanpa terikat dengan waktu dan tempat dan boleh belajar mengikut kesesuaian masa mereka. Seterusnya, ibu bapa berperanan penting dalam membantu dan

menyokong anak-anak agar pembelajaran anak mereka berjalan dengan lancar dan baik semasa pandemik ini. Anak-anak banyak meluangkan masa di rumah dan menjadi tanggungjawab ibu bapa bagi memantaunya. Ini menunjukkan bahawa persekitaran pembelajaran memainkan peranan penting dalam memotivasikan diri serta memberikan ketenangan kepada pelajar untuk belajar.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, persepsi pelajar menerusi faktor dalaman dan luaran terhadap pembelajaran PJK secara dalam talian di sebuah sekolah dalam daerah Johor Bahru berada pada tahap interpretasi sederhana iaitu belum efektif dan masih belum mencapai tahap yang baik. Ini adalah kerana menerusi kengkangan yang ada dan faktor perubahan secara drastik yang memerlukan masa untuk penyesuaian demi kelangsungan pembelajaran. Diharapkan melalui kajian ini, ia dapat memberikan kebaikan kepada semua pihak termasuklah para pelajar, guru-guru dan pihak sekolah dalam meningkatkan kualiti pembelajaran PJK. Guru-guru disarankan untuk sentiasa meningkatkan kualiti dan kreativiti pengajaran agar dapat membantu pelajar untuk lebih menguasai ilmu PJK dan pelajar juga seharusnya memberikan kerjasama sepenuhnya agar pembelajaran dapat berjalan dengan lancar.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar, M. N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Amin, N. A. M., & Nasri, N. M. (2021). Kajian Tinjauan Persepsi Murid Sekolah Menengah Terhadap Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 344-361.
- Cucinotta, D., & Vanelli, M. (2020). WHO declares COVID-19 a pandemic. *Acta Bio Medica: Atenei Parmensis*, 91(1), 157-160. <https://doi.org/10.23750/abm.v91i1.9397>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 6 Tahun 2019. Retrieved from Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Komarudin, K., & Prabowo, M. (2020). Persepsi siswa terhadap pembelajaran daring mata pelajaran pendidikan jasmani olahraga dan kesehatan pada masa pandemi Covid-19. *MAJORA: Majalah Ilmiah Olahraga*, 26(2), 56-66.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.
- Pallant, J. (2007). *SPSS Survival Manual. A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS*. Third Edition. Allen & Unwin.
- Rahman, I., Gani, R. A., & Achmad, I. Z. (2020). Persepsi Siswa Pada Pembelajaran Pendidikan Jasmani Olahraga dan Kesehatan Tingkat SMA. *Jurnal Pendidikan Olahraga*, 9, 144-154. <https://doi.org/10.31571/jpo.v9i2.1898>
- Rio Taovan. (2018). Persepsi Siswa Kelas VIII terhadap Pembelajaran Pendidikan Jasmani di SMP N 2 Tempel Daerah Istimewa Yogyakarta. Universitas Negeri Yogyakarta.
- Wagner, J. A., & Hollenbeck, J. R. (2009). *Organizational behavior: Securing competitive advantage*. New York: Routledge.

✉ Adjah Naqkiah Mazlan
Sekolah Pendidikan,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Skudai, Johor, MALAYSIA
Email: adjahnaqkiah@utm.my